

KETUA PEMUDA: DR. M TIDAK MAHU NAMANYA DIKAITKAN

KUALA LUMPUR, Sabtu — Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, tidak mahu namanya dikaitkan dalam pertandingan merebut jawatan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, September ini.

Setiausaha Politik Perdana Menteri, Megat Junid bin Megat Ayob, menegaskan Datuk Seri Dr. Mahathir memandang berat terhadap golongan yang menggunakan namanya untuk merebut jawatan tersebut.

"Sesiapa sahaja boleh bertanding atau menawarkan diri untuk berkhidmat dalam parti. Tetapi, menggunakan nama pucuk pimpinan dalam percaturan ini, adalah satu tindakan yang kurang manis," kata Megat Junid.

Katanya, Datuk Seri Dr. Mahathir berpendapat pertandingan itu sejajar dengan amanah demokrasi parti yang mana setiap ahli berhak bertanding, dan "setiap ahli berhak memilih."

Encik Megat Junid juga berharap nama Timbalan Presiden UMNO, Datuk Musa Hitam, dan juga nama Tengku Razaleigh

Hamzah jangan juga diperkaitkan.

Datuk Haji Suhaimi bin Datuk Kamaruddin akan bertanding dengan bekas pemimpin ABIM, Encik Anwar Ibrahim, untuk merebut jawatan Ketua Pemuda UMNO.

Megat Junid yang juga Exco Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia menegaskan, "Biarlah pertandingan itu dijalankan secara terbuka tanpa bimbang."

No. Siri 2948

No. Penerimaan 693/85